

# UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld.4(63)

2 Oktober 2017  
12 Muharram 1439

## PEKELILING PENTADBIRAN BIL.30/2017

Semua Staf Akademik  
Universiti Teknologi Malaysia

### PERMOHONAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) akan melengkapkan tempoh pelantikannya. Sehubungan dengan itu, akan wujud kekosongan bagi jawatan tersebut.

2. Mengikut kaedah baru yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Tinggi, proses pemilihan akan dilaksanakan secara terbuka dan haruslah memaklumkan kekosongan jawatan bagi membolehkan semua staf akademik universiti yang berminat mengemukakan permohonan.

3. Sehubungan dengan itu, semua staf akademik boleh mengemukakan permohonan masing-masing secara bersurat untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut. **Kriteria Umum dan Khusus** pemilihan bagi jawatan-jawatan tersebut adalah seperti berikut :

#### Kriteria Umum:-

- i) **Kecemerlangan Akademik**  
Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dalam kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.
- ii) **Pengiktirafan Antarabangsa**  
Penyandang mestilah diiktiraf oleh *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar Negara.
- iii) **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**  
Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.
- iv) **Reputasi**  
Menjadi "*role model*" kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dengan *proven track record* dan disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.

- v) **Personaliti**  
Penyandang mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player*, serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan universiti. Penyandang juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.
- vi) Penyandang mestilah telah menjalani Program Penilaian Bakat Kepimpinan Pengurusan Tertinggi oleh AKEPT.
- vii) Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai oleh universiti.

**Kriteria Khusus:-**

**Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi):-**


- i) **Pengalaman Membida Projek Penyelidikan dengan Jaya** : Ini merupakan tugas hakiki Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Calon bukan sahaja berpengalaman menjalankan penyelidikan sebagai Penyelidik Utama (P&I) tetapi menjadi peneraju IPT masing-masing untuk membida dana penyelidikan dari dalam dan luar negara.
- ii) **Mahir Mensistesis Instrument Komitmen Penyelidikan (RU Instrument):** *Key Performance Indicator* Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) utama adalah meneraju penyelidikan di IPT masing-masing. Calon bukan sahaja mahir mengenai instrumen tersebut tetapi telah menunjukkan rekod cemerlang mentransformasi penyelidikan sekurang-kurangnya di peringkat institut, *Centre of Excellence* (COE) atau Fakulti.
- iii) **Mempunyai Jaringan hubungan yang luas:** Penyandang mestilah mempunyai jaringan hubungan yang luas dengan industri di peringkat serantau dan antarabangsa. Ini kerana selain bertanggungjawab mendapatkan projek-projek dan geran-geran penyelidikan dari sektor awam dan swasta penyandang juga bertanggungjawab mempromosikan dan mengkomersialkan hasil-hasil penyelidikan di dalam dan luar negara.
- iv) **Berkemampuan dalam Menguruskan Aktiviti Berkaitan Harta Intelek:** Penyandang mestilah seorang individu yang mampu menguruskan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan harta intelek seperti penghasilan harta intelek dan industri yang berkaitan. Ini adalah penting kerana pengurusan hubungan industri yang berkesan akan memberi pulangan kepada universiti melalui perlesenan dan pengkomersialan.
- v) **Cemerlang dalam Penyelidikan, Penerbitan dan Urusan Pengkomersialan:** Penyandang mestilah mempunyai pengalaman yang luas dalam pengkomersialan produk penyelidikan, mempunyai *track record* dalam penyelidikan serta penghasilan artikel berkualiti dalam jurnal berwasit agar penyandang mempunyai reputasi tinggi dan dihormati oleh kelompok/sebaya dan taraf.
- vi) **Berpengalaman sebagai Penyelia yang Berjaya:** Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam penyeliaan pasca-siswazah (Sarjana dan PhD) terutamanya dalam mod penyelidikan. Ini kerana penyandang bertanggungjawab menentukan hala tuju penyelidikan universiti dan menerapkan *research culture* dalam kalangan ahli akademik dan para penyelidik.

4. Surat permohonan tersebut hendaklah disertakan dengan lampiran berikut:
- i) *Curriculum Vitae* yang lengkap dan kemas kini. Sila guna format CV KPT yang boleh dimuat turun di alamat [registrar.utm.my/hcm/format-cv-kpt/](http://registrar.utm.my/hcm/format-cv-kpt/);
  - ii) Anugerah dan hadiah yang berprestij di peringkat kebangsaan dan antarabangsa; dan
  - iii) Sumbangan-sumbangan besar dan bermakna bagi pembangunan Fakulti dan Universiti.
5. Semua permohonan untuk dipertimbangkan ke jawatan tersebut, hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertaraf – **SULIT** – dengan menulis jawatan yang dipohon di penjurukan kanan sampul surat dan dihantar kepada Timbalan Pendaftar (Perjawatan), Bahagian Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar UTM Johor Bahru selewat-lewatnya pada **19 Oktober 2017**.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“Berkhidmat Untuk Negara Kerana Allah ”**

Yang benar,



**(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)**  
Pendaftar

- s.k. -
- YBhg. Datuk Naib Canselor
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
  - YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Mahasiswa dan Alumni)
  - Pro Naib Canselor (UTM Kuala Lumpur)
  - Ketua Pustakawan
  - Bendahari
  - Pegawai-Pegawai Kanan/ Dekan/ Pengarah